



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING  
PSYCHOLOGY AND COUNSELLING DIVISION

Aras 1 Blok E9 Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8872 1681  
Faks : 03-8872 1680  
Lama web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.500-3/1/10 Jld.2(90)

Tarikh : 15 Februari 2023

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

### IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DI BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya ingin menarik perhatian pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa terdapat kekosongan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan seperti maklumat berikut:

Bil.	Agensi/ Jabatan	Jawatan/ Gred	Bilangan kekosongan
1.	Bahagian Psikologi dan Kaunseling	1. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44/DG48	3
		2. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41/DG44	1

3. Sehubungan itu, Bahagian ini ingin mempelawa pegawai-pegawai yang berminat dan berkelayakan di bawah pentadbiran pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan bagi mengemukakan permohonan untuk disaring dan ditemuduga sebelum dilantik mengisi kekosongan jawatan tersebut. Bersama-sama ini disertakan maklumat terperinci mengenai kekosongan jawatan berkaitan:

- i. Iklan kekosongan jawatan seperti di **Lampiran A**; dan
- ii. Borang permohonan BPsK/001/02B seperti di **Lampiran B**.

4. Adalah diharapkan agar pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan dapat menghebahkan pelawaan ini kepada semua pegawai yang berkelayakan di bawah pentadbiran pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan. Borang permohonan

yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan sebelum atau pada 3 Mac 2023 ke alamat berikut:

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Psikologi dan Kaunseling  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 1, Blok E9, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 Putrajaya  
**(u.p.: Unit Khidmat Pengurusan)**

5. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut:


- |      |                             |                |
|------|-----------------------------|----------------|
| i.   | Encik Hashwin a/l Ramanujan | : 03-8872 1737 |
| ii.  | Encik Othman bin Muhamad    | : 03-8884 2034 |
| iii. | Puan Azira binti Ramsah     | : 03-8872 1738 |

Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SALMIAH BINTI MONSHIE)**  
Bahagian Psikologi dan Kaunseling  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia